

MEMBANTU KANAK-KANAK BAJAU LAUT MENGECEM, MENYEBUT DAN MENULIS HURUF HIJAIYAH SIN DENGAN MENGGUNAKAN BAHAN BANTU MENGAJAR 'TSIN'

Nur Insyirah Suhim @ Suhiliⁱ, Septya Asfadina Ahmad Jamilⁱⁱ & Norhafizah Ahmadⁱⁱⁱ

ⁱJabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. ninsyirah894@gmail.com

ⁱⁱJabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. septyaahmad@gmail.com

ⁱⁱⁱJabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. catfiza@gmail.com

Abstrak: Tulisan Jawi adalah kumpulan huruf yang teratur, membentuk sistem penulisan yang umumnya digunakan oleh masyarakat Melayu di Malaysia, selain dari tulisan rumi. Jika di susun dengan betul mengikut hukum penulisannya, ia akan membentuk suku kata dan perkataan yang bermakna. Huruf jawi juga merupakan salah satu tajuk pembelajaran yang perlu diajar oleh guru kepada murid sejak di bangku sekolah rendah lagi. Walau bagaimanapun, terdapat ramai murid-murid sekolah yang lemah dalam mengenal bentuk huruf, menyebut dan menulis perkataan menggunakan huruf jawi. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memastikan peningkatan keupayaan kanak-kanak Bajau Laut dalam mengecem, menyebut dan menulis huruf Sin (س) dengan menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) 'TSin'. Terdapat lapan orang kanak-kanak Bajau Laut di Madrasah Terapung di daerah Semporna, Sabah yang melibatkan dua orang kanak-kanak lelaki dan enam orang kanak-kanak perempuan dalam lingkungan lima hingga 15 tahun. Kami menggunakan 2 sumber data iaitu borang senarai semak dan gambar video. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir semua peserta kajian menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan pada kemahiran mereka dalam mengecem, menyebut dan menulis huruf jawi. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) 'TSin' telah meraih keberkesanan. Kami berharap agar kajian ini dapat membantu para guru dalam mencipta Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang berkesan dan menarik untuk pembelajaran kanak-kanak Bajau Laut.

Kata kunci: Bajau Laut, huruf sin (س), BBM TSin

Pengenalan

Malaysia mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum dan etnik. Namun, terdapat beberapa kaum yang boleh diklasifikasikan sebagai kaum yang agak terpinggir seperti masyarakat Bajau Laut. Secara umumnya, suku kaum Bajau adalah suku kaum yang terbanyak dan terbesar di Sabah iaitu sebanyak 436,672 orang (Fazal Mohamed Sultan et al., 2021). Menjadi satu obligasi bagi Masyarakat Muslim untuk menyebarkan ilmu ugama masyarakat Bajau Laut ini kerana mereka kurang pengetahuan berkaitan dengan agama Islam. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud "Menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap Muslim" (HR Ibnu Majah). Oleh itu, pihak Muslim Care Malaysia (MCM) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau (IPGKT) telah berkolaboratif dalam menjayakan program *Community & Research Based Education* bagi memberi peluang pendidikan kepada masyarakat Bajau Laut dari pelbagai sudut ilmu pengetahuan seperti membaca dan menulis tulisan rumi dan jawi. Pada masa yang sama kami juga membimbing mereka tentang pelbagai konsep keagamaan seperti rukun Islam, rukun Iman, sirah nabi Muhammad SAW serta bidang akhlak.

MCM telah menyediakan Madrasah Terapung yang merupakan sebuah bot besar yang boleh membawa lebih kurang 20 orang penumpang dan menjadi ruang belajar kanak-kanak Bajau Laut sepanjang program kolaborasi

berlangsung. Idea bersifat inovatif ini sangat sesuai dengan corak hidup kanak-kanak tersebut yang tinggal bersama keluarganya di dalam perahu di sekitar Pulau Mabul, Semporna. Kanak-kanak Bajau Laut yang kami santuni dalam kajian ini ialah mereka yang tidak pernah belajar secara formal di sekolah-sekolah.

Kami menyediakan pelbagai bahan bantu mengajar yang menarik dan bermakna untuk memotivasikan mereka agar terus berminat untuk belajar. Ia juga harus lebih memudahkan kanak-kanak menguasai topik yang dipilih dalam masa yang sangat terhad iaitu hanya 1 jam. Kami juga menghafaz banyak perkataan dan ayat dalam bahasa Bajau Laut untuk kemudahan interaksi semasa proses pembelajaran berlaku. Mereka hanya mengetahui sedikit sahaja bahasa Melayu.

SKOP DAN OBJEKTIF KAJIAN

Pernyataan masalah sebelum ini menunjukkan bahawa kanak-kanak Bajau Laut ini kurang pengalaman pembelajaran agama, membaca dan menulis. Skop kajian kami difokuskan kepada proses mengecam huruf-huruf jawi, sebutan huruf dan cara menulis huruf tersebut. Skop dan objektif kajian kami hanya ada tiga iaitu:

- membantu kanak-kanak Bajau Laut mengecam bentuk huruf sin (س) dengan tepat
- membantu kanak-kanak menyebut huruf sin (س) dengan betul dan jelas
- membantu kanak-kanak menulis huruf sin (س) dengan betul

LANGKAH-LANGKAH PELAKSANAAN KAJIAN

Kami telah memulakan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan menjalankan sesi soal jawab kepada kanak-kanak untuk mengenal pasti tahap pengetahuan mereka mengenai huruf-huruf jawi. Setelah itu, kami mengeluarkan blok sin untuk mendedahkan kepada kanak-kanak akan bentuk huruf sin. Blok Sin ini berbentuk 3D dan diperbuat

daripada pvc foam. Selain mempunyai saiz yang besar ia juga ringan. Kanak-kanak boleh melihat dan membelek-belek huruf sehingga dapat mengecam huruf Sin tersebut dengan tepat. Selepas mengulang dan menguji cara sebutan huruf sin (س), kami mengeluarkan kad imbas.

Kad imbas pula ialah kad-kad bergambar di mana gambar tersebut merupakan objek yang bermula dengan huruf Sin mengikut sebutan bahasa Bajau Laut. Objek yang dipilih ialah yang biasa digunakan dalam kehidupan kanak-kanak tersebut. Antara perkataan yang dipilih ialah sin (duit), sialinu (adik) dan soklet (coklat). Kami mencipta sebuah lagu kanak-kanak yang mempunyai ketiga-tiga perkataan tersebut dan mengaitkannya dengan bunyi huruf Sin supaya mereka dapat menyebutnya dengan mudah. Di sini kami menggunakan pembelajaran kontekstual yang mengaitkan huruf sin dengan perkataan-perkataan yang dekat dalam kehidupan mereka.

Selepas itu kami mengarahkan murid untuk menyebut dan meniru gaya menulis huruf sin (س) di udara. Sebagai pengukuhan, kanak-kanak dibekalkan dengan kotak pasir dan mengarahkan mereka untuk menulis huruf sin di pasir seperti yang telah disediakan sambil menyebut huruf sin (س). Kami mendemonstrasikan cara menulis huruf sin menggunakan blok sin yang ditekan di pasir. Kanak-kanak menggunakan jari dan menulis mengikut bentuk blok sin di pasir tersebut. Kami menerangkan bentuk huruf sin dengan berbahasa Bajau Laut iaitu kium ariki (senyum kecil), kium ariki (senyum kecil) dan kium



aheya (senyum besar) sama seperti yang ditunjukkan di bawah.

Rajah 1: TSin

Setelah selesai sesi pembelajaran, kami melaksanakan pentaksiran untuk melihat sama

ada kanak-kanak telah berupaya untuk mengecam dan membezakan huruf sin dengan huruf lain. Kami juga mentaksir keupayaan kanak-kanak untuk menyebut huruf dan menulis dengan betul. keberkesanan penggunaan komponen 'Tsin' dalam pembelajaran.



ini agak berkesan tetapi sedikit membosankan. Kami juga sedar tempoh masa pembelajaran cara kami untuk meningkatkan keberkesanan ini sangat terhad iaitu hanya 1 jam.

HASIL KAJIAN

Kami telah menjalankan pentaksiran sebelum (pra) dan selepas (pasca) sesi pembelajaran berlaku. Ujian pentaksiran dibuat berdasarkan objektif kajian iaitu samada kanak-kanak telah dapat mengecam, menyebut dan menulis huruf Sin (س). Berikut ialah data hasil pentaksiran tersebut:

Jadual 1. Analisis Ujian pra dan Ujian pasca

SOALAN KAJIAN	UJIAN PRA (JUMLAH MURID)	UJIAN PASCA (JUMLAH MURID)
Kanak-kanak dapat mengecam bentuk huruf Sin (س) dengan tepat?	0/8	6/8
Kanak-kanak dapat menyebut huruf Sin (س) dengan jelas dan betul?	0/8	4/8
Kanak-kanak dapat menulis huruf Sin (س) dengan betul?	0/8	4/8

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian tindakan ini, kami telah mengaplikasikan model kajian tindakan Kemmis & Mc Taggart's (1988) yang menggunakan prinsip yang serupa dengan prinsip kitaran Kurt Lewin (1946). Model Kemmis & Mc Taggart menggariskan empat langkah dalam kitaran kajian tindakan iaitu mereflek (*reflecting*), merancang (*planning*), bertindak (*acting*) dan memerhati (*observing*).

i)Mereflek (*reflecting*)

Kanak-kanak Bajau Laut telah ketinggalan banyak kelas dan menyebabkan keupayaan mereka untuk membaca dan mengenal huruf-huruf adalah kurang. Maka, guru-guru di surau menekankan kepada corak menghafaz semua huruf-huruf jawi dengan beritma mahupun nyanyian. Mereka juga diajar secara pandang sebut dan menulis dengan pen marker dan papan putih sahaja. Corak pembelajaran seperti

ii)Merancang (*planning*)

Mengetahui isu kurangnya keupayaan kanak-kanak untuk mengecam, menyebut dan menulis huruf-huruf jawi menyebabkan kami berusaha untuk menghasilkan BBM yang mengandungi pelbagai unsur sensori seperti deria sentuhan, penglihatan dan pendengaran bagi membolehkan mereka mempunyai pengalaman pembelajaran yang efektif. Kami juga memilih bahan yang ringan dan berplastik agar tidak mudah basah serta bot tidak menjadi berat.

iii) Bertindak (*acting*)

Sebaik sahaja kami telah bersedia untuk berjumpa dengan kumpulan sasaran, kami dan bot Madrasah Terapung bergerak menuju perahu-perahu milik keluarga Bajau Laut yang mempunyai kanak-kanak berusia 5 hingga 15 tahun. Kami menjemput mereka ke dalam bot dan memulakan aktiviti pembelajaran seperti yang dirancang. Proses pembelajaran itu menggunakan BBM Tsin yang terdiri daripada blok huruf sin, kad imbas bergambar dan kotak amali pasir. Kami membimbing kanak-kanak itu mengecam, menyebut dan menulis huruf sin.

iv) Memerhati (*observing*)

Pada peringkat ini, kami membuat pemerhatian keseluruhan aktiviti bagi memastikan kesan pelaksanaan perancangan. Kami menggunakan borang senarai semak dan gambar video sebagai bukti pemerhatian. Dapat dilihat bahawa terdapat peningkatan keupayaan mengecam, menyebut dan menulis huruf.

DAPATAN KAJIAN

Kami menggunakan kaedah pemerhatian untuk melihat kesan atau hasil kepada semua aktiviti yang telah dilaksanakan. Sumber data kami ialah borang senarai semak dan gambar video untuk melihat pencapaian objektif kajian.



Rajah 2: Mengecam, menyebut dan menulis

Peserta Kajian	Mengecam	Menyebut	Menulis
PK 1	X	X	X
PK 2	/	/	/
PK 3	/	/	X
PK 4	X	X	X
PK 5	/	/	/
PK 6	/	X	/
PK 7	/	/	X
PK 8	/	X	/

Jadual 2: Senarai Semak

Jadual di atas merupakan hasil dapatan pemerhatian yang telah dijalankan. Berdasarkan jadual tersebut, dapat dikenal pasti bahawa: Seramai enam orang kanak-kanak daripada lapan orang telah dapat mengecam huruf sin dan mampu membezakan huruf sin dan huruf ra. Seramai empat orang kanak-kanak daripada lapan orang telah dapat menyebut huruf sin dengan jelas. Seramai empat orang kanak-kanak daripada lapan orang telah mampu menulis huruf sin dengan betul.

PERBINCANGAN DAPATAN

Hasil dapatan menunjukkan objektif kajian telah tercapai dan ini menunjukkan bahawa proses pembelajaran yang dijalankan adalah berkesan. Oleh kerana kanak-kanak Bajau Laut itu bermula dengan kosong pengecaman, sebutan

dan menulis, maka sebarang peningkatan walaupun hanya 1 orang adalah sangat menggembirakan. Kanak-kanak PK1 dan PK4 terlibat dalam semua aktiviti tetapi kurang berkeupayaan dalam pembelajaran berbanding dengan kanak-kanak lain. Mungkin kerana usia mereka yang muda iaitu lebih kurang 5 tahun.

Di dapati bahawa kebanyakan kanak-kanak Bajau Laut dapat mengecam huruf Sin dengan tepat dan cepat. Selepas 1 jam PdP, dapat dilihat bahawa daripada sifar orang kepada seramai enam orang kanak-kanak telah berjaya mengecam huruf Sin dengan tepat. Blok Sin merupakan suatu bahan konkrit 3D yang membolehkan kanak-kanak menyentuh dan melihat rupa bentuk huruf Sin tersebut. Nurul Haniza et al, (2017) menyatakan bahawa deria melihat efektif sehingga 75% , sementara deria sentuh, rasa dan hidu adalah efektif sehingga 10% dan deria dengar ialah 15%. Oleh itu, BBM blok sin sahaja membantu pembelajaran kanak-kanak sebanyak 85%. Apabila mendapat bimbingan dari kami, deria efektif menjadi 100%.

Kad imbas mengandungi gambar objek yang mempunyai sebutan huruf sin jika dibunyikan dalam bahasa Bajau Laut. Kad ini mampu membantu 4 orang kanak-kanak mencapai objektif ke dua iaitu menyebut huruf sin dengan jelas dan betul. Menurut Miles dan Ehri (2019), untuk seseorang murid menguasai huruf jawi, guru-guru perlu menumpukan perhatian kepada bunyi serta simbol yang mewakili bunyi (dipetik daripada Mahmoud Gharaibeh & Abed Alrazaq Alhassan, 2023). Kanak-kanak PK 6 dan PK 8 sebenarnya dapat menyebut huruf sin tetapi kurang jelas dan kurang betul.

Kami telah mendemonstrasikan cara menulis menggunakan blok sin dan pasir dan kanak-kanak diminta untuk menirunya dengan bimbingan. Selepas itu mereka menulis sendiri dengan menggunakan teknik senyum kecil dan senyum besar dalam bahasa Bajau Laut. Menurut Jatmika (2019), penggunaan pasir membolehkan kanak-kanak mudah membentuk huruf, memberikan kesenangan serta menjana

keaktiviti mereka melalui deria sentuhan yang digunakan (dipetik daripada Muthiah et al., 2020). Oleh sebab itulah, separuh daripada jumlah kanak-kanak Bajau Laut tersebut telah berupaya untuk menulis huruf Sin dengan baik dan betul. Kanak-kanak PK3 dan PK7 pula berupaya menulis huruf sin di pasir tetapi rupa huruf kurang betul.

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan di sini bahawa penggunaan alat BBM 'TSin' yang bersifat multisensori seperti blok 3D huruf sin, kad imbas bergambar dan kotak amali pasir dapat membantu murid-murid Bajau Laut untuk mengecam, menyebut dan menulis huruf sin dengan betul. Pendekatan multisensori telah pun dikaji oleh Mostafa (2018) dan mendapati bahawa terdapat peningkatan dalam kemahiran literasi awal termasuklah dari aspek pengetahuan huruf selepas mengaplikasikan aktiviti multisensori yang melibatkan visual, auditori dan kinestetik.

Kotak amali sin pada dasarnya dilihat mempunyai banyak kekurangan seperti kepayahan mencari pasir yang bersih serta tidak bersifat mudah alih kerana reka bentuknya yang besar dan memerlukan penjagaan yang baik. Sebagai langkah penambahbaikan kami boleh membuat inovasi pek kotak amali yang sediaguna dan mengekalkan efektif deria sebanyak 85%. Kami juga mencadangkan mencadangkan untuk membuat pendigitalan amali. Pendigitalan amali ini akan dilaksanakan dengan membentuk satu platform *Google Site* yang boleh diakses oleh para pengguna 'TSin' secara percuma menggunakan alatan digital sendiri seperti telefon pintar, komputer riba, tablet dan sebagainya kerana penggunaan media teknologi secara memberikan banyak manfaat dan kemudahan kepada pendidik dan pelajar (Fitri Mulyani & Nur Haliza, 2021).

RUJUKAN

Amini Amir Abdullah. (2012). Etika digital dan berinternet menurut perspektif Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 25, 55-82.

Chiew L. M. & Kamariah Abu Bakar. (2022). Keberkesanan penggunaan pendekatan multisensori dalam meningkatkan kemahiran konsep nombor kanak-kanak prasekolah. *JURNAL PENDIDIKAN BITARA UPSI*. 15, 53-61.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Siti Amanina Sahira Saidi. (2021). Kajian frasa kerja bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut di Sabah: analisis kerangka minimalis. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 164-192.

Fitri Mulyani & Nur Haliza. (2021). Analisis perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi (Iptek) dalam pendidikan. *Jurnal Pendidikan dan Konseling*, 3(1), 101-109.

Noorzahidah Mohd Zain & Faizal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2015). Perkembangan tulisan Jawi: Perbincangan dari sudut pandangan tiga sarjana awal abad ke 20. *Jurnal Al-Muqaddimah*, 3(1), 11-17.

Sarinab Ariffin@Eduny, Saifulazry Mokhtar, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Syamsul Azizul Marinsah. (2022). Pendekatan kaedah latih tubi dalam kemahiran menulis jawi murid tahun empat di Sekolah Kebangsaan Ladang Sandak, Sandakan. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*. 7(45), 112-126.

Tan W. X. & Khalijah Ahmad. (2023). Penggunaan teknik nyanyian dalam PdP Sejarah: Satu kajian kes dalam kalangan guru pelatih Sejarah IPGKDA. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 21*. 1, 153-184.

Wawan Gunawan. (2019). Pengembangan aplikasi berbaris android untuk pengenalan huruf hijaiyah. *Jurnal Informatika*, 6(1), 69-76.